KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KENYATAAN MEDIA

KERAJAAN MADANI PERKUKUH KEMAKMURAN PEKEBUN KECIL SARAWAK MELALUI KENAIKAN KADAR BANTUAN TANAM SEMULA GETAH

PENGENALAN

Kerajaan MADANI melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) bersama agensinya, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) terus komited memperkasa kemakmuran lebih 508 ribu pekebun kecil getah seluruh negara, termasuk di Sarawak, menerusi pendekatan pembangunan yang lebih progresif dan responsif terhadap keperluan semasa.

Selaras Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13), Kerajaan memperkenalkan kadar baharu Bantuan Program Tanam Semula Getah RISDA Sarawak mulai tahun ini dengan kenaikan daripada RM14,805 sehektar kepada RM23,000 sehektar, iaitu peningkatan RM8,195 sehektar atau sekitar 55 peratus. Kadar bantuan bagi Semenanjung dan Sabah akan turut diumumkan dalam masa terdekat.

Pengumuman kenaikan ini mencerminkan keprihatinan Kerajaan terhadap keperluan sebenar pembangunan kebun getah yang semakin mencabar, khususnya dari segi kos input pertanian, buruh, logistik dan kerja lapangan.

MEMPERKUKUH AGENDA TANAM SEMULA GETAH PEKEBUN KECIL

Program Tanam Semula Getah merupakan inisiatif utama RISDA untuk menggandakan penghasilan komoditi utama negara, dalam pada masa sama memanfaatkan komuniti pekebun kecil dalam jangka panjang daripada program ini. Ia meliputi pembangunan kebun, penanaman semula, penyelenggaraan dan pembekalan input pertanian.

Cadangan kenaikan mengambil kira peningkatan semasa kos pembangunan kebun, khususnya di Sarawak dan Sabah, merangkumi kos input, buruh, diesel bersubsidi serta faktor pengurusan kebun. Langkah ini memastikan saluran bantuan disalurkan sehingga ke peringkat pengeluaran hasil.

Bagi tempoh RMKe-13, pelaksanaan kadar baharu ini dijangka memperkukuh keberkesanan program tanam semula getah, seterusnya menjamin kelangsungan sektor komoditi getah negara serta membantu pekebun kecil mengekalkan daya tahan ekonomi dalam keadaan semasa yang semakin mencabar.

PENGUKUHAN PROGRAM PEMBANGUNAN RISDA DI SARAWAK

Dalam konteks pelaksanaan agenda kemakmuran pekebun kecil Sarawak, RISDA Negeri Sarawak terus memainkan peranan penting dalam memperkasa pembangunan sosioekonomi masyarakat desa. Bagi tahun 2026, sejumlah RM29.25 juta diperuntukkan oleh KKDW kepada RISDA untuk melaksanakan program pembangunan strategik kepada warga pekebun kecil di negeri ini.

RISDA menyelia seramai 25,252 orang pekebun kecil, daripada jumlah keseluruhan pekebun kecil negeri ini yang dianggarkan melebihi 98 ribu orang pada masa ini. Sarawak juga merupakan penyumbang terbesar dalam Program Tanam Semula dengan keluasan keseluruhan 161,521 hektar.

MAJLIS SANTUNAN KASIH RAMADAN DAN PROGRAM KEMAKMURAN PEKEBUN KECIL RISDA SARAWAK 2026

Majlis Santunan Kasih Ramadan dan Program Kemakmuran Pekebun Kecil RISDA Negeri Sarawak 2026 di Masjid Darul Istiqamah, Kampung Niup, Kota Samarahan menjadi platform menghimpunkan kepimpinan kerajaan dan masyarakat desa, di samping menyampaikan inisiatif serta bantuan kepada komuniti desa.

Ia memperlihatkan pendekatan memperkasa desa yang seimbang antara aspek ekonomi, kebajikan dan kemanusiaan, selaras dengan semangat Ramadan yang menekankan keinsafan, kebersamaan dan kesejahteraan rakyat.

SUMBANGAN DAN PENYAMPAIAN DALAM MAJLIS

RISDA turut menyampaikan 120 bakul makanan kepada penduduk Kampung Niup sebagai tanda keprihatinan sempena Ramadan dan menjelang Syawal. Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran 30 pelajar Pusat Pengajian Tafaqquh Tahfiz Al-Makki serta 20 anak yatim dari Kampung Niup, yang menyerlahkan semangat ihsan, santunan dan kebersamaan terhadap golongan yang memerlukan.

PENUTUP

Kenaikan kadar Bantuan Program Tanam Semula Getah bagi Sarawak membuktikan komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam memastikan setiap dasar dan program memberi manfaat nyata kepada rakyat desa. Kerajaan akan memastikan RISDA kekal sebagai agensi peneraju yang berupaya membawa perubahan kepada komuniti pekebun kecil demi kesejahteraan desa dan kemajuan negara.

Disediakan oleh :
Bahagian Komunikasi Korporat
Ibu Pejabat RISDA
14 Mac 2026